

Bekalan barang keperluan mencukupi, penduduk Miri tak perlu bimbang: Lee

2020-04-18T00:30:05+08:00



MENCUKUPI: Lee (empat kanan) dan Joe Azmi (kiri Lee) menunjukkan bekalan beras yang mencukupi semasa melakukan tinjauan bekalan beras ke syarikat pemborong Tong Seng Huat Sdn Bhd di Krokop, Miri semalam.

MIRI: Penduduk di bahagian ini sekali lagi diingat-kan supaya tidak bimbang berhubung bekalan barang keperluan semasa sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana ia mencukupi.

Menteri Pengangkutan Datuk Lee Kim Shin berkata, hasil pemantauan hari-an yang dilakukan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Miri mendapati beberapa bekalan keperluan asas seperti gula, minyak masak, tepung gandum dan beras adalah mencukupi untuk menampung keperluan penduduk di bahagian Miri untuk tempoh dua bulan.

"Saya sendiri telah turun padang hari ini (semalam) bertemu dengan beberapa pemborong dan mereka memberi jaminan bahawa bekalan gula, minyak masak, tepung gandum (GMT) dan beras adalah mencukupi untuk tempoh dua bulan.

"Justeru, saya menasihat-kan penduduk di bahagian Miri supaya tidak perlu bimbang dan tidak melakukan pembelian panik kerana bekalan keperluan asas adalah mencukupi," katanya yang berpuas hati dengan bekalan sedia ada.

Terdahulu, Lee yang juga menteri bertanggungjawab bagi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian Miri bersama sepasukan pegawai penguat kuasa KPDNHEP Miri dengan diketuai Ketua Cawangannya, Joe Azmi Jamil melakukan tinjauan ke dua gudang pemborong dan pembungkusan minyak masak di sini.

Malah menurut beliau, pihak pemborong memberitahu mereka akan menerima bekalan baharu pada penghujung bulan ini dan pertengahan Mei depan.

Sementara itu menurut Joe Azmi, seramai 10 pegawai penguat kuasa KPDNHEP Miri akan turun padang setiap hari termasuk Sabtu dan Ahad untuk melakukan pemeriksaan ke atas beberapa pemborong GMT, beras, penternak ayam telur, pemborong LPG dan pembungkus minyak masak di Bahagian Miri.

Katanya, pemeriksaan harian dilakukan bertujuan untuk memastikan barangan keperluan semasa di Bahagian Miri adalah mencukupi untuk keperluan pengguna dan mudah diperolehi.

"Para pengguna di Bahagian Miri dinasihatkan supaya tidak melakukan pembelian panik kerana bekalan semasa adalah mencukupi termasuk untuk menampung keperluan penduduk di kawasan luar bandar seperti Marudi, Bekenu, Batu Niah, Bakong dan Long Lama.

"Malah pihak KPDNHEP telah melantik 11 kedai runcit dan pasar raya terpilih di setiap tempat untuk membekalkan keperluan asas tersebut kepada penduduk," katanya ketika dihubungi Utusan Borneo semalam.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/04/18/bekalan-barang-keperluan-mencukupi-penduduk-miri-tak-perlu-bimbang-lee>